

09/09/2000

PPWI untuk bantu rakyat miskin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Program penyaluran bantuan termasuk Program Pembiayaan Wang Ihsan (PPWI) kepada rakyat Terengganu sebahagian usaha berterusan kerajaan membantu rakyat miskin, kata Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed.

Katanya, program itu bertujuan membantu golongan berkenaan sepanjang masa dan bukan masa tertentu sahaja.

Malah, Mustapa yang juga Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan, yakin Terengganu tidak perlu menunggu lama untuk mendapat manfaat menerusi PPWI.

"Ini kerana ia akan ditentukan Jawatankuasa Peringkat Pusat (JPP) yang ditubuhkan melalui Kementerian Kewangan.

"Jawatankuasa itu baru dimaklumkan perkara ini dan masih belum ada kaedah yang akan dilaksanakan tetapi saya percaya kaedah itu tidak akan mengambil masa lama," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Serantau Asia Ke-enam anjuran CPA Australia di Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Beliau mengulas kaedah dan langkah kerajaan melaksanakan PPWI kepada Terengganu yang diumumkan kerajaan Selasa lalu.

Dalam kenyataan itu, Kerajaan Pusat akan membayar wang ihsan kepada Terengganu melalui kaedah baru dikenali PPWI dan tidak lagi disalurkan terus kepada kerajaan negeri.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan pelaksanaan PPWI tidak akan merugikan rakyat negeri itu.

Perdana Menteri berkata, program itu yang disalah anggap sebagai menggantikan royalti minyak, bukan satu diskriminasi terhadap negeri itu kerana Terengganu sebenarnya tidak mempunyai hak mendapat royalti minyak.

Dr Mahathir berkata, royalti minyak yang selama ini diterima Terengganu sebenarnya wang ihsan daripada Kerajaan Pusat.

(END)